

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 29 JULAI 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 17

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1532-L11591
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah semasa pihak Kerajaan dalam membanteras *online scam* yang semakin maju dengan pelbagai modus operandi yang baru dan semakin berleluasa ketika ini.
2. PN-1532-L11837
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah persediaan dan program yang bakal dianjurkan oleh Kementerian dalam meningkatkan kesedaran awam terhadap Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.
3. PN-1532-L11993
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan kadar inflasi dapat dikawal dan apakah usaha yang akan dilakukan oleh Kerajaan dalam memastikan rakyat tidak terlalu terbeban dengan kos sara hidup yang dilihat semakin meningkat.
4. PN-1532-L11566
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan kadar pemantauan terhadap kualiti 672 sungai di seluruh negara dan apakah intervensi Kementerian dalam menangani kemerosotan kualiti air sungai menerusi Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan (JKKAS) yang ditubuhkan.

5. PN-1532-L12207
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menangani inflasi dan kesan berganda kenaikan harga barang keperluan dan bahan binaan akibat kenaikan harga diesel tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM 1.20.
6. PN-1532-L12252
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia bagi memastikan Peperiksaan Sijil Amalan Guaman dilaksanakan secara lebih terbuka dan telus, antara lain dari segi sistem pemarkahan dan semakan semula skrip peperiksaan.
7. PN-1532-L11682
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyelesaikan isu bil tertunggak sebanyak RM 30 juta melibatkan warga asing yang mendapatkan rawatan pemeriksaan di Hospital Kerajaan.
8. PN-1532-L11631
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah dan usaha Kementerian bagi mengekang pencerobohan kapal negara asing yang mungkin akan mengganggu gugat hasil bumi negara memandangkan PETRONAS telah mengumumkan bahawa terdapat lebih banyak telaga minyak baru ditemui di pesisir laut Sarawak.
9. PN-1532-L12072
Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perincian penubuhan Jawatankuasa Pelan Tindakan Pasca Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan apakah potensi keberkesanan Jawatankuasa ini dalam menyelesaikan isu-isu diskriminasi yang berlaku di Malaysia.
10. PN-1532-L12236
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan tegas Kerajaan dalam menangani isu penggunaan cecair nikotin *vape* yang dicampur dadah yang didakwa memberi kesan serius terhadap kesihatan mental pengguna.

11. PN-1532-L11967
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah peranan yang diambil oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dalam mengesan, membendung dan mencegah kegiatan kartel dalam kalangan pengusaha industri kecil dan besar di negara ini.
12. PN-1532-L11765
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Banci Pertanian 2024 dan bagaimana Kementerian dapat memanfaatkan dapatan ini untuk perancangan pembangunan sektor agromakanan.
13. PN-1532-L12168
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah penguatkuasaan efektif bagi membasmi penyeludupan terutamanya di sempadan-sempadan Malaysia.
14. PN-1532-L12032
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah klinik perubatan swasta berdaftar di negara mengikut pecahan negeri dan berapa klinik swasta baru didaftarkan di setiap negeri untuk sepuluh (10) tahun kebelakangan ini. Dalam tempoh yang sama, berapa klinik telah diberhentikan pendaftarannya atau telah berhenti operasi.
15. PN-1532-L11543
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan mengkaji semula penarikan subsidi diesel kepada pengusaha bas persiaran dan pengangkutan bahan binaan kerana ia memberi kesan kepada sektor pelancongan domestik dan sektor hartanah.
16. PN-1532-L12305
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah perkembangan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) di bawah Politeknik Ungku Omar (PUO) dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk menaik taraf PUO sebagai sebuah universiti awam. Sekiranya ada, apakah status usaha tersebut.

17. PN-1532-L11810

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan penyediaan jumlah pelajar dan institusi pendidikan tinggi bagi pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berasaskan sektor pelancongan selaras dengan Dasar TVET Negara yang memfokuskan TVET sebagai pilihan utama kerjaya dengan kerjasama industri cekap dan produktif.

18. PN-1532-L11760

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam menyemarakkan lagi sambutan kemerdekaan dan juga Hari Malaysia yang bakal kunjung tiba nanti dengan inisiatif penyemaian semangat perpaduan dan juga patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia.

19. PN-1532-L11547

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai penubuhan Sistem Amaran Awal (EWS) bagi bahan psikoaktif baru atau *new psychoactive substances* (NPS) yang difahamkan kini sedang dalam perbincangan di antara Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dengan Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC).

20. PN-1532-L12261

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bekerjasama erat dengan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dalam melaksanakan secara telus penapisan filem yang memaparkan adegan merokok sejajar dengan peruntukan Fasal 7 Rang Undang-undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023.

21. PN-1532-L11798

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan Kementerian dalam memastikan Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) tidak membataskan kemampuan pelajar untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dan bagaimanakah peranan guru dapat dimainkan secara holistik dalam membentuk budaya pembelajaran DLP yang berupaya memartabatkan Bahasa Kebangsaan tanpa menidakkan kepentingan kemahiran Bahasa Inggeris.

22. PN-1532-L12128

Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah alternatif yang diambil oleh pihak Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan negara selain daripada mengurangkan perbelanjaan subsidi yang akhirnya membebaskan rakyat.

23. PN-1532-L11932

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian untuk mempertingkatkan skop dan liputan perlindungan sosial ke atas pekerja yang bekerja sendiri dan pekerja dalam sektor tidak formal.

24. PN-1532-L11599

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pelan tindakan Kementerian dalam menarik lebih ramai pelancong luar ke Malaysia sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

25. PN-1532-L11662

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah menguruskan konservasi dan pengurusan perikanan darat serta masalah spesies ikan asing invasif yang mengancam biodiversiti sungai-sungai di seluruh negara.

26. PN-1532-L11584

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan menjalankan satu kajian bagi meneliti impak berkaitan pengeluaran Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); dan
- (b) adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk melaksanakan yuran penalti ke atas pengeluaran Akaun 3 seperti yang diamalkan oleh Skim Persaraan Swasta (PRS) dalam usaha mengawal transaksi keluar wang pencen.

27. PN-1532-L12021

Senator Datuk Nelson W Angang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada RM6.5 bilion peruntukan pembangunan untuk Sabah bagi tahun 2023, berapakah daripada jumlah ini yang telah dilaksanakan dan jumlah baki peruntukan yang belum dilaksanakan, serta apakah sebab-sebab yang mengakibatkan peruntukan ini tidak dapat digunakan sepenuhnya.

28. PN-1532-L12043

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha dan strategi Kementerian untuk meningkatkan lagi kadar pencaruman Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) untuk meliputi kaum wanita di negara ini. Adakah Kerajaan berhasrat untuk menjadikan skim caruman ini sebagai skim yang wajib untuk semua kaum wanita.

29. PN-1532-L11973

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan B40, dapat mengakses dan memanfaatkan teknologi perubatan terkini seperti *telemedicine* dan aplikasi kesihatan digital dan rancangan Kementerian untuk mengintegrasikan teknologi ini ke dalam sistem kesihatan negara.

30. PN-1532-L12188

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status kewujudan kumpulan-kumpulan ajaran sesat dan pelampau militan di Malaysia.

31. PN-1532-L12094

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) strategi untuk mempertahankan dan meningkatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi pilihan pelajar antarabangsa dengan sokongan JPT, MQA dan EMGS; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk merancang dan menarik lebih ramai pelajar antarabangsa serta memastikan kualiti pendidikan dan ekosistem pendidikan yang berdaya saing.

32. PN-1532-L11725

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan kriteria yang digariskan oleh Kementerian bagi pembinaan menara telekomunikasi di sesuatu lokasi dan apakah tindakan Kementerian daripada sudut undang-undang kepada pihak yang membina menara telekomunikasi tanpa memenuhi kriteria tersebut.

33. PN-1532-L11985
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah kelayakan profesional yang dicadangkan bagi tenaga penjaga warga emas dan bilakah ianya akan diwajibkan.
34. PN-1532-L11499
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah sasaran-sasaran khusus yang telah ditetapkan oleh Malaysia untuk menerima pakai sumber tenaga boleh diperbaharui dan bagaimanakah pihak Kerajaan bercadang untuk mencapai sasaran tersebut.
35. PN-1532-L11790
Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi melaksanakan pematuhan percukaian bagi urus niaga digital yang melibatkan mata wang kripto dan bagaimanakah Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berupaya mengekang ketirisan cukai secara efektif yang berlaku dalam transaksi mata wang digital tersebut.
36. PN-1532-L11871
Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) yang telah berjaya diserap menyertai sektor pekerjaan di Malaysia sejak 2021 sehingga kini dan apakah langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan golongan OKU menerima latihan sewajarnya bagi mengembangkan kebolehan serta bakat sedia ada agar mampu bersaing dengan orang normal.
37. PN-1532-L12298
Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Jawaharlal Nehru di New Delhi, India yang diserahkan urusan pengendaliannya kepada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2022.
38. PN-1532-L11829
Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini Kerajaan berhubung penyediaan mekanisme bagi menaik taraf lesen Kelas B2 kepada B Penuh.

39. PN-1532-L12136
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara komprehensif serangan siber yang telah berlaku kepada agensi Kerajaan dan apakah langkah untuk mengekang berulangnya serangan tersebut.
40. PN-1532-L12216
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menaik taraf Pasar Borong Gong Pauh Kuala Terengganu yang sangat daif dan menjadi tumpuan bagi lima daerah iaitu Kuala Terengganu, Hulu Terengganu, Marang, Kuala Nerus dan Setiu.
41. PN-1532-L11849
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) bagaimanakah Bank Negara Malaysia telah menggunakan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) dalam pengawasannya terhadap institusi kewangan dan adakah ini telah menghasilkan kesan positif; dan
 - (b) apakah peranan jangka panjang kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) dalam kerangka peraturan.
42. PN-1532-L12013
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menetapkan had maksimum bagi cuaca panas supaya mana-mana institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menghentikan semua aktiviti di luar serta-merta tanpa menunggu arahan daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
43. PN-1532-L11779
Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju-pemaju yang gagal menyiapkan projek-projek penswastaaan dengan DBKL mengikut jadual. Hal ini kerana kelewatan tersebut akan mengakibatkan kerugian kepada DBKL yang secara langsung kehilangan hasil cukai pintu yang tertanggung bertahun-tahun.

44. PN-1532-L11785

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menyemai perpaduan dalam kalangan rakyat khususnya melalui peranan parti-parti politik; dan
- (b) kerelevanan mewajibkan setiap parti politik untuk memasukkan klausa perpaduan di dalam perlembagaan mereka.

45. PN-1532-L11857

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapa banyak pusat data sedang dibina dan sudah beroperasi mengikut negeri; dan
- (b) adakah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah menjalankan kajian mengenai tahap pelaburan pusat data yang optimum untuk Malaysia.

46. PN-1532-L11899

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian melakukan pemantauan terhadap mana-mana sekolah persendirian di Malaysia yang menyebarkan fahaman ekstremis dan ideologi kebencian; dan
- (b) mekanisme pemantauan terhadap ajaran-ajaran sesat yang boleh mengganggu-gugat keharmonian dalam kalangan masyarakat.

47. PN-1532-L12162

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memelihara integriti, pematuhan dan akauntabiliti pelaburan yang dilaksanakan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera di samping meningkatkan lagi kadar pulangan dividen agar jumlah pelaburan di bawah pengurusan Yayasan Pelaburan Bumiputera dimanfaatkan secara optimum dan berbaloi.

48. PN-1532-L12220

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan peratusan terkini Kadar Sara Diri (SSR) dan inisiatif untuk meningkatkan SSR bagi sektor daging lembu dan juga padi beras negara.

49. PN-1532-L12060
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menghentikan amalan pembahagian murid-murid ke dalam aliran Sains dan Sastera berdasarkan keputusan akademik mereka dan sebaliknya membenarkan murid-murid untuk memilih dan mempelajari subjek-subjek Sains dan Sastera yang diminati.
50. PN-1532-L11718
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha Kementerian dalam mempromosi dan menyokong infrastruktur pelancongan Tamadun Sungai Batu sebagai tarikan utama terhadap Tahun Melawat Malaysia 2026.
51. PN-1532-L11638
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan masalah Malaysia Airlines (MAS) terkait dengan kekurangan kru kapal, apakah langkah pihak Kerajaan bagi memantau kualiti perkhidmatan kepada keselamatan kru kapal dan pelanggan serta keselamatan peralatan pesawat yang kian terabai.
52. PN-1532-L12339
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil bagi mengelakkan keracunan berlaku di kantin-kantin sekolah dari sudut piawaian kesihatan penyediaan makanan kepada pelajar sekolah.
53. PN-1532-L12106
Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah mitigasi yang diambil dalam menstabilkan ekonomi ekoran penarikan subsidi diesel yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan baru-baru ini.
54. PN-1532-L11957
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pendirian Kementerian bagi mendedahkan nama syarikat, pengusaha, peruncit dan pemborong yang menjual produk antiminyak sawit di negara ini dan berapa jumlah peruntukan disediakan bagi tujuan memerangi dan advokasi kempen antiminyak sawit pada 2020 hingga 2024.

55. PN-1532-L11454

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen pihak Kerajaan dalam menyelesaikan isu ketidakcapaian dasar pengambilan 1% Orang Kurang Upaya (OKU) dalam sektor awam sehingga hari ini. Apakah usaha Kerajaan dalam melibatkan *Government-Linked Companies* (GLCs) bagi menyelesaikan isu pekerja yang berkualiti bagi OKU.

56. PN-1532-L11513

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan memantau dan menilai kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) termasuk pengumpulan data dan mekanisme pelaporan.

57. PN-1532-L12317

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah konkrit yang diambil oleh Kerajaan untuk pengisian dan pelaksanaan Dasar Diplomasi Budaya yang dilancarkan oleh Kerajaan pada hujung tahun 2021.

58. PN-1532-L12005

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekurangan sebanyak 2000 orang guru Sekolah Menengah dan Rendah di seluruh Sarawak.

59. PN-1532-L12049

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bilakah pengeluar kereta tempatan iaitu Proton dan Perodua akan melancarkan kereta *Electric Vehicle* (EV) memandangkan jenama luar negara amat agresif di negara ini. Adakah harga EV tempatan akan lebih mampu milik daripada jenama luar negara.

60. PN-1532-L11736

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk menyasarkan semula subsidi petrol RON95 sebagaimana yang dilakukan terhadap bahan api diesel.

61. PN-1532-L12277

Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pengurangan kebergantungan kepada tenaga buruh asing di ladang-ladang dan kebun-kebun sawit.

62. PN-1532-L11925
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan pihak Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di terminal feri Labuan dan berapakah peruntukan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut.
63. PN-1532-L11616
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha-usaha pihak Kerajaan bagi memastikan masyarakat menghayati prinsip Rukun Negara sebagai kaedah praktikal dalam memupuk perpaduan dan mengekalkan keharmonian hidup damai bersama dalam komuniti yang berbilang kaum.
64. PN-1532-L12333
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan Parlimen Belia yang akan diambil alih oleh Parlimen Malaysia. Adakah terdapat program gantian terhadap Parlimen Belia ini. Jika ya, adakah program ini boleh disertai oleh mereka yang berumur 15 tahun.
65. PN-1532-L11906
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mewujudkan kampus cawangan ASWARA di Kuching memandangkan galakan terhadap seni budaya dan warisan di Sarawak mendapat tempat dalam kalangan anak Sarawak dan berpotensi besar sekiranya diketengahkan.
66. PN-1532-L11752
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perkembangan terkini bagi pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang akan bermula dengan projek rintisnya pada bulan Jun hingga Ogos tahun ini.
67. PN-1532-L11743
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah kos bagi pemasangan saluran paip air yang besar dari Sibu ke Tanjung Manis pada tahun 2013 dan apakah status pelaksanaan projek ketika ini serta bilakah jangkaan projek ini akan disiapkan bagi dinikmati oleh penduduk di kawasan Tanjung Manis.

68. PN-1532-L11728

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah pemantauan dan penguatkuasaan yang telah dilakukan terhadap program taklimat dan penerangan kewarganegaraan yang dianjurkan oleh beberapa wakil rakyat sehingga menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat.

69. PN-1532-L11532

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh manakah persediaan Kerajaan dalam penentuan tema dan pelan bagi kempen pengiklanan sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.

70. PN-1532-L11652

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) jumlah graduan Orang Asli terkini yang belajar di luar negara; dan

(b) pecahan bidang pengajian yang para pelajar ini ikuti.

71. PN-1532-L11919

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan Sabah boleh memberi *State Government Approval* (SGA) bagi projek-projek pembuatan melebihi nilai RM 2.5 juta bagi mempercepatkan tempoh masa pelaburan dan pembangunan di Wilayah Sabah.

72. PN-1532-L12329

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah *task force* atau mekanisme kawalan dalam memastikan bahawa bahan api negara seperti minyak RON 95 tidak dijadikan barang dagangan di semua sempadan negara ekoran 15 kertas siasatan baru yang dibuka di sepanjang sempadan negara Malaysia-Thailand. Ini termasuk perniagaan timbang kilo minyak di sempadan.

73. PN-1532-L11911

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Malaysia akan menerima tawaran daripada Persekutuan Sukan SEA (SEAGF) untuk menjadi penganjur Sukan Asia Tenggara 2027 (Sukan SEA).

74. PN-1532-L11922

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah polisi yang dirangka Kementerian melalui analisa *data-based decision making* yang terkini seperti memberi pinjaman PTPTN untuk program-program pendidikan yang dapat menjana pekerjaan dan mengikut keperluan industri semasa.

75. PN-1532-L11461

Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perancangan untuk menubuhkan satu agensi untuk memantau, memandu dan menguatkuasakan pelaksanaan Ekonomi MADANI yang sangat penting untuk mengembalikan keyakinan pelabur, rakyat dan seterusnya melonjakkan ekonomi negara.

76. PN-1532-L11527

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan situasi semasa kawalan keselamatan sempadan Rantau Panjang dan Sungai Golok dan apakah status terkini pembinaan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di Rantau Panjang, Kelantan.

77. PN-1532-L11943

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) Orang Asli yang masih berada di bawah garis kemiskinan tegar negara dan apakah tindakan Kementerian untuk memastikan bahawa KIR tersebut dapat melepasi garis kemiskinan tegar itu dan seterusnya kemiskinan tegar dalam kalangan masyarakat Orang Asli dapat dinoktahkan sebagaimana masyarakat lain di negara ini.

78. PN-1532-L11861

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian akan menjadi pihak berkuasa tunggal untuk mengendalikan pengurusan pekerja asing; dan
- (b) komitmen Kerajaan untuk mewujudkan satu sistem dalam talian hujung ke hujung di bawah satu Kementerian untuk meningkatkan proses pengambilan pekerja asing.

79. PN-1532-L11481

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kerajaan mengukur keberkesanan insentif fiskal seperti pengecualian cukai dan geran R&D dalam menggalakkan pelaburan dalam teknologi hijau; dan
- (b) bagaimanakah Kerajaan memastikan bahawa syarikat yang menerima insentif ini benar-benar melaksanakan projek teknologi hijau yang berkesan dan mampan.

80. PN-1532-L12066

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) pelan jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas; dan
- (b) sama ada akan terdapat pertambahan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) serta sejauh mana keberkesannya dalam mengurangkan kemalangan dan kesesakan.

81. PN-1532-L11440

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan taraf kehidupan golongan Orang Kurang Upaya (OKU), serta nyatakan apakah kemudahan perkhidmatan yang kini telah dinaik taraf untuk golongan OKU.

82. PN-1532-L11670

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan kos sara hidup dan inflasi jangka pendek dan jangka panjang setelah pelaksanaan penyasaran subsidi diesel dilaksanakan.

83. PN-1532-L11707

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) rasional Parlimen Belia yang membenarkan belia seawal 15 tahun menjadi penyokong/pengundi tetapi tidak membenarkan belia yang berumur 15-17 tahun menjadi wakil; dan
- (b) adakah perkara ini akan dipertimbangkan semula selari dengan perancangan Kerajaan untuk menurunkan umur belia kepada 30 tahun.

84. PN-1532-L11576
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperkuat ekosistem keusahawanan di Malaysia termasuk program latihan dan pembiayaan untuk usahawan kecil dan sederhana serta perincian mengenai sokongan yang diberikan kepada koperasi.
85. PN-1532-L12196
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah perkembangan terkini bagi program Skim Insentif Solar Rakyat (SolaRIS), dan adakah pelaksanaan program ini bakal membantu Kerajaan dalam mencapai sasaran penjanaan tenaga boleh baharu (TBB).
86. PN-1532-L12228
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah proaktif Kerajaan bagi mewujudkan kolaborasi antara pihak industri dan akademik agar ekosistem serta pasaran buruh negara memberi ruang kepada lepasan graduan untuk menikmati peluang pekerjaan seiring dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan (PSKG) 2021 - 2025.
87. PN-1532-L11891
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status unjuran semasa Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) sepanjang suku tahun pertama dan kedua 2024 sebelum penganjuran KBBM Mega pada tahun 2025.
88. PN-1532-L11469
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan lapangan terbang di seluruh negara terutamanya di Sarawak perlu dinaik taraf, dibaik pulih dan diselenggara dengan efektif. Apakah tindakan segera yang dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.
89. PN-1532-L11507
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah mekanisme yang sedia ada untuk memudahkan pemindahan teknologi daripada institusi penyelidikan kepada industri.

90. PN-1532-L11557

Senator Puan Anna Bell @ Suzieana Binti Perian minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) Kerajaan Madani memberikan fokus untuk menunaikan komitmen dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), tidakkah tindakan mewujudkan Jawatankuasa Kemajuan Desa Madani (JKDM) di Sabah bertentangan dengan semangat MA63; dan
- (b) sama ada perkara ini telah dibincangkan di dalam Majlis Tindakan MA63 dan Jawatankuasa Teknikal MA63.

91. PN-1532-L12148

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan rayuan bagi Program Budi MADANI serta perincian jumlah di bawah kategori Budi Individu dan Budi Agri-Komoditi dan apakah unjuran implikasi kewangan bagi subsidi diesel tahun 2024.

92. PN-1532-L11879

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi meningkatkan daya pengeluaran komoditi seperti lada, getah, kelapa sawit dan lain-lain agar ia mampu membantu dan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat dan negara.

93. PN-1532-L11611

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi memperkasakan jaminan tahap sekuriti makanan di negara ini agar bekalan makanan mencukupi selain mengurangkan kadar kebergantungan kepada makanan import dapat diturunkan.

94. PN-1532-L12047

Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah strategik yang akan diambil bagi memastikan pekerja ladang dalam negara kita dipenuhi dengan pekerja tempatan.

95. PN-1532-L12176

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan cadangan penggunaan kad pengenalan bagi penyaluran subsidi petrol bagi mengelakkan berlakunya ketirisan.

96. PN-1532-L12200
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah petani yang terlibat dalam penanaman bawang di Malaysia serta apakah insentif yang diberikan kepada mereka.
97. PN-1532-L12259
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah drastik bagi memperbetulkan persepsi dan mentaliti para pelajar terhadap kepentingan akademik yang kini diabaikan berikutan pengaruh yang tidak sihat daripada media sosial yang memaparkan kehidupan mewah tanpa memerlukan kelulusan akademik yang berisiko melahirkan generasi ketandusan intelektual di masa hadapan kelak.
98. PN-1532-L12140
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan kecekapan di lapangan terbang utama negara memandangkan kini terdapat kesesakan yang teruk di kaunter imigresen dan balai ketibaan.
99. PN-1532-L11475
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan masalah capaian internet dan kualiti capaian internet di luar bandar terutamanya di pedalaman Saratok masih lagi tidak dapat diselesaikan setakat ini. Apakah tindakan segera dan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah ini.
100. PN-1532-L11519
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dapatan kajian oleh Jawatankuasa Khas Perkasa Mahkamah Syariah dan bilakah ia akan dibentangkan.
101. PN-1532-L11818
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kebertanggungjawaban Kementerian dalam mengkaji semula khususnya dengan data yang jauh lebih lengkap untuk mengenal pasti kesan sampingan dan nisbah risiko vaksin AstraZeneca di negara ini dan berapa jumlah rakyat Malaysia yang telah mengambil vaksin AstraZeneca.

102. PN-1532-L12322

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan "Jalan Buku" di ibu kota Kuala Lumpur dan pusat pentadbiran Putrajaya bagi menyemarakkan minat dan budaya membaca serta meningkatkan industri penerbitan di negara ini, sebagaimana yang wujud di negara-negara maju.

103. PN-1532-L11703

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) usaha yang telah dan akan dilakukan oleh Kementerian dalam menangani isu obesiti khususnya dalam tahun 2024 dan 2025; dan
- (b) apakah impak yang dijangka akan tercapai dengan usaha tersebut dan sejauh mana ia akan berjaya berdasarkan pencapaian pada tahun 2024.

104. PN-1532-L12287

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah dalam memastikan penarikan subsidi diesel di Semenanjung Malaysia tidak memberi kesan domino kepada kenaikan harga barangan di negeri Sabah dengan alasan kos logistik dan pengangkutan barangan dari Semenanjung yang semakin meningkat disebabkan tindakan ini.

105. PN-1532-L11448

Senator Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan proses pemilihan anggota Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) dan berapa ramai anggota OKU terpilih dalam Majlis berkenaan.

106. PN-1532-L11489

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sektor-sektor kritikal yang dikenal pasti oleh Kementerian sebagai sektor yang mempunyai peluang pekerjaan yang banyak untuk rakyat Malaysia, dan apakah usaha yang diambil untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja tempatan.

107. PN-1532-L11690

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kekosongan bagi jawatan Pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara buat masa ini dan sama ada kekosongan tersebut akan diisi.

108. PN-1532-L11774

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) tindakan jangka pendek yang boleh diambil untuk mengatasi masalah penguasaan membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan pelajar Orang Asli bermula dari sekolah rendah; dan
- (b) kerelevanan untuk mengekalkan pelajar tersebut di tahap atau tahun yang sama sekiranya masih tidak menguasai 3M.

109. PN-1532-L12092

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pemantauan semasa Kementerian terhadap keadaan semasa fasiliti dan kemudahan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS) dan apakah Kementerian memiliki perancangan untuk menambah baik fasiliti dan kemudahan sedia ada.

110. PN-1532-L11623

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Kementerian dalam membantu pengusaha kraf tangan sepanjang tahun 2023 hingga 2024 sebagai sumber pendapatan utama mereka.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 40/2024) | Rang Undang-undang Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 2. | (D.R. 41/2024) | Rang Undang-undang Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pembubaran) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 3. | (D.R. 31/2024) | Rang Undang-undang Perubatan (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kesihatan] | |
| 4. | (D.R. 15/2024) | Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 5. | (D.R. 14/2024) | Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Pembubaran) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Pengangkutan] | |
| 6. | (D.R. 7/2024) | Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup] | |

7. (D.R. 21/2024) Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024

[Menteri Digital]

**Bacaan
Kali Yang
Kedua**

8. (D.R. 17/2024) Rang Undang-undang Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) (Pindaan) 2024

[Menteri Dalam Negeri]

**Bacaan
Kali Yang
Kedua**

9. (D.R. 22/2024) Rang Undang-undang Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia 2024

[Menteri Dalam Negeri]

**Bacaan
Kali Yang
Kedua**